

# Pensyarah, pelajar diberi amaran akan disingkir

KUALA LUMPUR 30 Jun — Universiti Malaya (UM) akan bertindak tegas termasuk menyingkir mana-mana pelajar atau pensyarahnya yang menyertai perhimpunan membantah kehadiran Perdana Menteri di universiti itu esok.

Naib Canselor UM, Profesor Datuk Dr. Anuar Zaini Mohd. Zain berkata, pasukan keselamatan universiti itu dengan kerjasama polis telah diarahkan supaya menangkap sesiapa yang mengadakan perhimpunan di universiti itu.

“Itu (penyingkiran) memang akan dilakukan dan kalau kita dapat tangkap, tidak ada maaf lagi bagi mereka,” katanya ketika ditanya sama ada UM akan menyingkirkan para pelajar dan pensyarahnya yang menyertai perhimpunan anjuran pihak tertentu itu esok.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas perasmian Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru oleh Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Audi-

torium Kompleks Perdanasiswa (AKPS) di UM, hari ini.

Simposium itu menjadi tumpuan selepas kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC) semalam disyaki akibat perbuatan jahat pihak tertentu yang mahu menghalang perjumpaan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan peserta simposium yang dijadualkan esok.

Simposium dua hari yang disertai oleh lebih 1,000 wakil pelajar dari 15 buah institusi pengajian tinggi awam di seluruh negara itu sepatutnya diadakan di DTC.

Menurut Dr. Anuar Zaini, tindakan penyingkiran ke atas pelajar dan pensyarah akan dibuat selepas mereka yang disyaki dibicarakan mengikut kaedah yang telah ditetapkan dalam peraturan universiti.

“Kita akan bicarakan mereka dan ambil tindakan ikut kaedah-kaedah yang ada dalam universiti,” katanya.

Beliau berkata, pihak keselamatan universiti telah mengadakan perbincangan dengan polis bagi mengetatkan kawalan

di sekitar lokasi simposium tersebut.

“Pihak keselamatan kita juga berpengalaman dalam hal ini dan perbincangan telah diadakan bagi menelaraskan atur cara dengan polis,” katanya.

Sementara itu, tinjauan *Mingguan* di kawasan DTC mendapati beberapa pegawai dan anggota polis sedang membuat penyiasatan dan tinjauan.

Pegawai-pegawai polis itu juga mengambil kenyataan daripada beberapa orang kakitangan dan pengawal keselamatan yang bertugas.

Sumber *Mingguan* memberitahu, pihak polis dan pegawai keselamatan universiti sedang giat melakukan persiapan kawalan keselamatan pada hari penutup simposium esok.

Katanya, kemasukan peserta di kawasan auditorium juga akan dikawal dan hanya peserta yang mempunyai pas khas sahaja dibenarkan masuk.

“Pas khas itu dibuat berikutan tempat yang terhad di dalam auditorium selain kerana faktor keselamatan,” katanya.